

# 'Saya tak kecil hati rakyat persoal keberkesanan pentadbiran'

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak berkecil hati dengan rungutan rakyat yang mempersoal keberkesanan pentadbiran negara menyelesaikan beberapa isu.

Mengambil contoh Sabah, Perdana Menteri berkata, rakyat di negeri Bawah Bayu masih tidak mampu menikmati kemudahan asas seperti elektrik, air dan jalan berlubang, biarpun pentadbiran kerajaan negeri silih berganti.

"Saya sebagai manusia, saya juga faham orang marah. Dia kata dengar Perdana Menteri, menteri dan kerajaan silih berganti tetapi air belum berganti. Elektrik belum pasang. Jalan berlubang-lubang.

"Dia resah dan belum cukup yakin, Saya tidak salahkan mereka. Walaupun kita sudah luluskan jumlah kewangan paling besar dalam sejarah (untuk Sabah).

"Keseluruhan perbelanjaan pembangunan dan mengurus Sabah bernilai RM17 bilion. Bagi kemudahan air pula hampir RM1 bilion, manakala elektrik RM1.2 bilion. Namun belum siap.

"Selagi belum siap, dia terasa terpinggir sekian lama dan kita boleh faham. Sebab ini saya tak ambil sikap sesetengah orang politik, sebaliknya cuba memahami derita mereka kerana saya pernah melalui liku kehidupan yang agak sukar," kata.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, kestabilan politik ketika ini membantu kerajaan mencatatkan pertumbuhan ekonomi positif, mengurangkan kadar pengangguran, selain berjaya merekodkan kadar pelaburan asing tertinggi dalam sejarah.

Anwar berkata, masih terdapat beberapa kekurangan ketika ini yang harus ditangani bagi memastikan negara mampu mencapai kejayaan yang lebih gemilang.